



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUM BALAS MEDIA

PELANTIKAN KETUA PENGARAH FINAS ADALAH DI BAWAH BIDANG KUASA FINAS

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) ingin merujuk kepada artikel yang disiarkan oleh akhbar Harian Metro, bertarikh 17 April 2019 bertajuk 'Status Lantikan Ditentukan JPA.'

JPA ingin menjelaskan urusan pelantikan Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) adalah di bawah peruntukan **Akta FINAS (Akta 244)**, **Seksyen 9(2)**, **Perbadanan boleh melantik Ketua Pengarah FINAS dengan persetujuan YB Menteri tanpa perlu merujuk kepada pertimbangan pihak JPA dalam urusan pelantikan tersebut**. Sehubungan itu, semakan lanjut JPA mendapati FINAS juga mempunyai **kuasa untuk menamatkan pelantikan KP FINAS** dan penempatan YBhg. Dato' Fauzi bin Ayob di jawatan terkini adalah selaras dengan Surat Kelulusan Perjawatan Bilangan K5 Tahun 2019.

#####

Jabatan Perkhidmatan Awam

Tarikh : 18 April 2019
Tel : 03 - 8885 3096/ 3146/ 3088
Emel : komunikasi@jpa.gov.my
No. Ruj. : JPA.100-9/1/2 (34)